

# HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN MINAT DENGAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN PERNIAGAAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH SETIU, TERENGGANU

(THE RELATIONSHIP BETWEEN KNOWLEDGE AND INTEREST WITH THE  
ACHIEVEMENT OF BUSINESS'S SUBJECT AMONGST THE STUDENT IN THE  
SCHOOL DISTRICTS OF SETIU, TERENGGANU)

Wan Suhaidashima Binti Wan Jaafar  
Radin Siti Aishah Radin A. Rahman  
Norasmah Othman

[suhaidashimajaafar@yahoo.com](mailto:suhaidashimajaafar@yahoo.com)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak** : Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan pengetahuan dan minat dengan pencapaian mata pelajaran perniagaan dalam kalangan pelajar di sekolah sekitar daerah Setiu, Terengganu. Secara perincian, objektif kajian ini adalah untuk i) mengenal pasti tahap pengetahuan, minat dan pencapaian pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran perniagaan. ii) Menentukan hubungan antara pengetahuan dan minat dengan pencapaian mata pelajaran perniagaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah setiu. Reka bentuk tinjauan ini melibatkan sampel seramai 200 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah daerah Setiu, Terengganu berdasarkan teknik persempelan rawak mudah. Selain itu, kajian ini juga telah menepati kesahan muka dan kandungan di samping memenuhi tahap penerimaan item melalui proses keboleh percayaan dengan nilai cronbach alfa sebanyak 0.60. Seterusnya hasil kajian melibatkan analisis secara deskriptif dan ujian korelasi pearson. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan minat terhadap konsep asas perniagaan masih berapa pada tahap yang sederhana. Manakala tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran perniagaan adalah sederhana. Seterusnya, terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan minat dengan pencapaian pelajar dengan mata pelajaran perniagaan bagi pelajar sekolah menengah daerah setiu dengan nilai kekuatan hubungan ini adalah rendah ( $r=0.28, p < .01$ ).

**Kata Kunci** : Pengetahuan, Minat, Pencapaian Mata Pelajaran Perniagaan, Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Daerah Setiu. Terengganu.

**Abstract :** *This study is aimed to identify the relationship between knowledge and interest with the achievement of business subjects amongst students in the school districts of Setiu, Terengganu. In detail, the objectives of this study are to: i) identify the level of knowledge, interest and achievement of form 4 students in business subjects. ii) Determine the relationship between knowledge and interest with the achievement of business subjects among high school students in the district. This survey design involves a sample of 200 Form Four students in Setiu district, Terengganu based on simple random sampling techniques. Additionally, this study has also conformed to the validity of the face and content as well as meeting the level of acceptance of items through a credible process with the alpha cronbach value of 0.60. Then the results of the study include descriptive analysis and pearson correlation test. The findings show that the level of knowledge and interest in the basic concept of business is still at a moderate level. While the level of student achievement in business subjects is simple. Furthermore, there was a significant relationship between knowledge and interest with the achievement of students with business subjects for secondary school students with the strength of this relationship was low ( $r = 0.28, p < .01$ ).*

**Keywords:** *Knowledge, Interest, Achievement of Bussiness's subject , Form 4 Student, The Secondary School District of Setiu, . Terengganu.*

2019 JGBSE

## **Pendahuluan**

Perniagaan dan keusahawanan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pembangunan sesebuah negara. Begitu juga halnya dengan negara kita Malaysia. Begitu banyak program yang telah diaturkan oleh pihak kerajaan demi membangunkan lagi sektor keusahawanan. Sekalipun ramai usahawan di Malaysia telah berjaya memainkan peranannya, masih banyak peluang di masa depan yang memerlukan usahawan lebih maju, malah masih banyak lagi perkara yang perlu diberi perhatian. Usahawan adalah antara tunggak utama dan penggerak kepada ekonomi bangsa dan negara. Mereka adalah antara individu yang menghasilkan berbagai barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat. Aktiviti mereka pula mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Justeru itu, usahawan adalah antara tunggak utama dan penyumbang kepada kemakmuran masyarakat dan negara.

Antara perkara yang perlu dimantapkan ialah pendidikan keusahawanan, khususnya ilmu pengetahuan berkaitan keusahawanan yang perlu dipelajari sama ada dari segi teori mahu pun praktikalnya. Kunci kepada perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia hari ini ialah melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Sidin 2006). Pembelajaran tidak hanya berkait dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Hargreaves 1996). Jelas menunjukkan bahawa seseorang usahawan yang berjaya dalam bidangnya, bukanlah merupakan usahawan yang tidak berilmu dalam melaksanakan perniagaannya. Mereka jelas membuktikan, penguasaan ilmu atau pengetahuan dalam bidang keusahawanan adalah faktor yang penting.

Pelaksanaan pendidikan keusahawanan perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mewujudkan generasi usahawan pada masa akan datang kerana ia melibatkan input nilai-nilai keusahawanan agar mereka lebih berdaya saing, kompetitif dan bersedia memenuhi tanggungjawab. Bertepatan dengan ini, Kementerian Pelajaran telah pun mengorak langkah

awal dengan memperkenalkan tajuk perdagangan dan keusahawanan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (teras dan elektif) bermula dari tingkatan satu hingga ke tingkatan tiga lagi. Pelajar pada umumnya telah diajar secara teori mengenai bidang keusahawanan melalui mata pelajaran ini, namun, mata pelajaran ini kebanyakannya hanya diajar di dalam situasi bilik darjah sahaja dan memerlukan pnaakulan dan kognitif yang tinggi dan stabil di kalangan pelajar, sekaligus menuntut kreativiti guru untuk memantapkan lagi penerimaan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Minat boleh dipupuk sejak dari kecil. Minat merupakan elemen yang penting dalam memulakan sesuatu aktiviti. Sekiranya seseorang mempunyai minat yang mendalam, hasil atau kesannya adalah lebih optima. Justeru itu, dalam memulakan sesuatu perniagaan atau penglibatan dalam keusahawanan, minat adalah sangat penting. Dengan minat segala usaha akan disinergikan dengan sumber-sumber yang lain untuk menghasilkan kejayaan. Minat juga dapat membentuk golongan usahawan berusaha bersungguh-sungguh dalam bidangnya. Pembentukan usahawan perlu bermula dari peringkat rendah lagi iaitu di peringkat sekolah. Pada peringkat ini, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan dan penerapan nilai-nilai dan ciri-ciri seorang usahawan supaya timbul kesedaran dan minat untuk menceburi bidang keusahawanan.

### **Penyataan Masalah**

Seseorang yang bergelar usahawan akan melalui pelbagai cabaran untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Dengan itu, peranan kerajaan dalam menyediakan pelbagai galakan dan bantuan bagi melahirkan usahawan yang berpengetahuan diperolehi samada secara formal ataupun tidak formal. Pendidikan yang formal membantu menyediakan seseorang ke arah menjadi usahawan berjaya kerana melalui pendidikan, para usahawan dapat memahami peluang perniagaan yang boleh diterokai (Zaidatol Akmaliah dan Habibah 1997).

Setiap daripada pelajar semestinya akan diukur mengikut pencapaian akademik mereka dalam setiap peperiksaan yang dijalankan di sekolah. Ini merupakan salah satu matlamat utama bagi kesemua institusi pendidikan. Kenyataan ini disokong oleh Hoyle (2003) yang menegaskan bahawa institusi-institusi pendidikan ditubuhkan adalah bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar dan segala ilmu yang disampaikan akan dapat meningkatkan pencapaian akademik yang lebih baik.

Kebanyakan daripada pelajar tersebut kurang diberi pendedahan tentang konsep perniagaan yang sebenar. Ada diantara mereka yang menjalankan perniagaan semata-mata tanpa membuat sebarang perancangan atau melakukan pusingan modal Hal ini telah menyebabkan mereka berpendapat bahawa mata pelajaran ini tidak begitu penting dan kesedaran mengenai kepentingan mata pelajaran ini adalah kurang. Pengetahuan mereka terhadap bidang perniagaan dan keusahawanan adalah kurang kerana mereka kurang didedahkan dengan konsep asas perniagaan sejak dari awal menyebabkan minat mereka terhadap bidang keusahawanan itu berkurang. faktor minat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Abdul Muqsith Ahmad 2013).

Melihat kepada permasalahan yang wujud dalam trend pelajar pada masa kini terhadap minat pelajar dengan pencapaian mata pelajaran perniagaan, mungkinkah permasalahan yang digambarkan berpunca daripada pelajar itu sendiri? Mungkinkah kurang pendedahan awal terhadap bidang keusahawanan dalam diri mereka? atau adakah pelajar menganggap bahawa mata pelajaran keusahawanan ini hanyalah mata pelajaran picisan sahaja dan tidak penting?.

Justeru itu, kajian ini bertujuan : 1. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan; 2. Mengetahui tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan; 3. Mengetahui perbezaan pencapaian mata pelajaran perniagaan bagi pelajar yang berlainan jantina; 4. Menentukan hubungan antara pengetahuan dan minat dengan pencapaian dalam mata pelajaran perniagaan.

## **Tinjauan Literatur**

### **Minat Pelajar Terhadap Bidang Perniagaan**

Minat adalah salah satu dari personaliti atau perwatakan yang terdapat dalam diri seseorang pelajar. Melalui minat pelajar akan lebih bersemangat-sungguh dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Minat merupakan sesuatu elemen yang penting dalam mencapai kejayaan. Pelajar akan lebih bermotivasi untuk terus berjaya dan cemerlang dalam sesuatu mata pelajaran jika minat dalam diri sentiasa dipupuk. Menurut Crow dan Crown (1983), minat merupakan daya penggerak yang mendorong supaya memberi perhatian kepada seseorang, benda dan kegiatan. Ia merupakan pengalaman yang berpengaruh yang telah dirangsang oleh kegiatan itu sendiri. Minat berkait rapat dengan desakan motif dan gerak balas emosi dan hasil pengalaman. Jika seseorang itu berminat walaupun mempunyai kebolehan yang sederhana, mereka seharusnya boleh mengembangkan minat yang kuat dan seterusnya berusaha menguasai dengan gigih sehingga membawa kepada pencapaian yang lebih baik dan bermutu.

Selain itu minat dalam keusahawanan juga boleh wujud sekiranya terdapat keluarga yang telah menjalankan sesuatu perniagaan. Keluarga yang menjalankan perniagaan juga dapat mempengaruhi ahli keluarga yang lain untuk meneruskan perniagaannya atau membuka perniagaan baru. Segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripada perniagaan dapat digunakan dalam bidang keusahawanan atau perniagaan (Scott 1988). Kajian awal yang telah dijalankan oleh K.Wang (2004) juga menunjukkan bahawa pelajar atau mahasiswa di Singapore juga mempunyai minat yang tinggi dalam bidang keusahawanan. Mereka merancang untuk membuka atau memperolehi perniagaan sendiri. Dalam kajian tersebut juga menyatakan bahawa, walaupun mereka mempunyai tahap pengetahuan yang agak rendah namun minat yang mereka ada, dapat menjadikan motivasi atau pendorong untuk membuka perniagaan kelak. Minat memainkan peranan yang penting dan merupakan faktor utama dalam menentukan seseorang itu berjaya dalam melakukan apa jua yang diceburi. Sodri Ariffin (2008) melalui projeknya iaitu Tunas Mekar yang memfokuskan kepada projek perkongsian pintar antara IPTA dan pengusaha untuk melahirkan usahawan muda yang berjaya telah mengenalpasti bahawa perkara utama yang menjadi kriteria sebagai usahawan adalah minat. Justeru itu, dengan adanya minat, ia mampu untuk menjadi pendorong kepada penglibatan yang bersemangat-sungguh untuk menjadi usahawan yang cemerlang.

## **Metodologi**

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk deskriptif dan inferensi menggunakan kaedah kuantitatif dan data akan diukur secara statistik diskriptif seperti frekuensi dan peratusan sesuatu kumpulan data. Pengkaji menggunakan pensampelan rawak berstrata bagi menentukan sampel dan saiz kajian. Jumlah populasi kajian ialah 200 orang pelajar aliran perniagaan sekolah menengah di daerah setiu. Kaedah tinjauan telah dilakukan dengan pengkaji turun ke lapangan untuk mengutip data melalui borang soal selidik. Pengiraan min juga digunakan untuk menerangkan taburan data. Kajian deskriptif telah digunakan untuk

menggambarkan keadaan semasa seperti mana yang di sekolah terpilih dan juga untuk mendapatkan data kuantitatif mengenai tahap pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan, tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan, dan perbezaan bagi pencapaian mata pelajaran perniagaan lelaki dan perempuan dalam subjek keusahawanan. Data-data akan dikumpul menggunakan borang soal selidik.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A mengumpul maklumat demografi pelajar. Bahagian B Tahap pengetahuan, Bahagian C tahap minat dan Bahagian D adalah pencapaian.

Sebelum kajian lapangan, kajian rintis ke atas 30 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran elektif Perniagaan di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Setiu telah dibuat. Pelajar telah dipilih secara rawak dan tidak akan dilibatkan dalam kajian lapangan. Melalui kajian rintis ini, segala komen dan cadangan akan diambil untuk penambahbaikan item-item soal selidik. Seterusnya, untuk kesahan kandungan instrumen, dua orang pakar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dilantik. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan kriteria pengalaman kerja dan kepakaran dalam bidang keusahawanan.

### Profil Demografi

Jadual 1 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus profil responden kajian berdasarkan faktor demografi. Analisis menunjukkan bahawa responden perempuan merangkumi 114 orang (57%) dan responden lelaki adalah seramai 86 orang (43%). Terdapat seramai 177 orang (88.5%) terdiri daripada bangsa melayu, diikuti seramai 12 orang (6%) cina dan 11 orang (5.5%) india. Terdapat seramai 90 orang (45%) responden berlatar belakangkan keluarga usahawan dan seramai 110 orang (55%) tidak berlatar belakangkan usahawan. Selain itu, terdapat seramai 116 orang (58%) responden yang mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan dan sebanyak 84 orang (42%) tidak pernah mrnjalankan perniagaan. Seramai 192 orang (42%) pula telah menyertai aktiviti perniagaan di sekolah sebaliknya seramai 98 orang (49%) tidak pernah menyertai aktiviti perniagaan di sekolah. Berikut adalah jadual profil responden kajian.

**Jadual 1 : Profil Responden Kajian Berdasarkan Faktor Demografi**

<b>Profile demografi</b>	<b>Kategori</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>	<b>Lelaki</b>	<b>86</b>	<b>43.0</b>
	<b>Perempuan</b>	<b>114</b>	<b>57.0</b>
<b>Bangsa</b>	<b>Melayu</b>	<b>177</b>	<b>88.5</b>
	<b>India</b>	<b>11</b>	<b>5.5</b>
	<b>Cina</b>	<b>12</b>	<b>6.0</b>
	<b>Usahawan</b>	<b>90</b>	<b>45.0</b>
<b>Latar belakang</b>	<b>Bukan usahawan</b>	<b>110</b>	<b>55.0</b>
	<b>Ya</b>	<b>116</b>	<b>58.0</b>
<b>Pengalaman menjalankan perniagaan</b>	<b>Tidak</b>	<b>84</b>	<b>42.0</b>
	<b>Ya</b>	<b>102</b>	<b>51.0</b>
<b>Menyertai aktiviti perniagaan di sekolah</b>	<b>Tidak</b>	<b>98</b>	<b>49.0</b>

## Dapatan dan Perbincangan

### Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan

Dapatan bagi frekuensi, purata skor min, dan sisihan piawai serta tahap pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan ditunjukkan dalam jadual 2. Secara keseluruhannya, purata skor min bagi bagi tahap pengetahuan pelajar ialah sebanyak 3.99 dan sisihan piawai ialah 16384. Berdasarkan maklumat ini, pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan adalah berada pada tahap sederhana tinggi.

Sistem pendidikan keusahawanan secara beransur-ansur mengubah nilai dan sikap usahawan ke arah perubahan positif. (Zaidatol dan Habibah 2004). Ini kerana terdapat beberapa golongan usahawan yang masih ketinggalan dari aspek pengetahuan seperti daya cipta, amalan perniagaan yang baik dan semangat bekerja yang gigih. Selain itu, budaya niaga keusahawanan dan kesanggupan mereka dalam menanggung risiko belum ada dalam diri usahawan tersebut. Dengan itu, bagi membantu usahawan dalam menerapkan ilmu keusahawanan dapat dilihat dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dan sistem pendidikan perdagangan dan keusahawanan telah lama wujud di Malaysia (Shahril 1993).

Pendidikan kokurikulum Pendidikan dilaksanakan kepada generasi muda di semua peringkat bermula daripada sekolah rendah melalui Program Perintis Usahawan, menengah menerusi Program Usahawan Muda dan Institut Pengajian Tinggi yang melibatkan Program Keusahawanan Siswa. Kesemua program ini bukan sahaja menjadi pelengkap kepada kurikulum sedia ada tetapi juga memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai ilmu keusahawanan (Ura et al. 2010). Penglibatan generasi muda dalam bidang keusahawanan menambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan mampu menghakis budaya makan gaji dalam kalangan mereka (Nurfadhilah dan Halimah 2010).

### Tahap Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan

Analisis skor min, sisihan piawai dan tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan ditunjukkan dalam jadual 2. Interpretasi skor tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $\text{min} = 3.69$ ,  $s.p = 0.26$ ). Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang mendalam terhadap mata pelajaran perniagaan. Dapatan kajian Asri (2007) menunjukkan bahawa sikap pelajar Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda di Johor Bahru, negeri Johor terhadap bidang keusahawanan berada di tahap sederhana. Dapatan Asri menyamai penemuan Omar (2004) di mana minat pelajar tingkatan empat aliran pendidikan Vokasional (Ketukangan Kejuruteraan) di Sekolah Menengah Teknik Sungai Buloh, terhadap bidang keusahawanan berada di tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Norudin et al. (2011) pula menunjukkan bahawa sebahagian besar (74.4 peratus) pelajar mempunyai minat untuk menjadi usahawan pada masa akan datang.

**Jadual 2 : Tahap Pengetahuan dan Tahap Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Perniagaan**

Bil	Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Skor Min
1	Pengetahuan	3.99	0.16	Sederhana tinggi
2	Minat	3.69	0.26	Tinggi

### Menilai Adakah Terdapat Perbezaan Bagi Pencapaian Mata Pelajaran Perniagaan Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan

Analisis ujian-t digunakan bagi menguji sejauh mana terdapatnya perbezaan pencapaian mata pelajaran perniagaan antara berlainan jantina. Dapatan jadual 3 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian mata pelajaran perniagaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. ( $t=0.70$  ;  $p>0.05$ ). Pencapaian bagi pelajar lelaki ( $M=2.02$ ,  $SP=0.573$ ) adalah sama dengan pencapaian pelajar perempuan iaitu ( $M=1.94$ ,  $SP=0.577$ ).

**Jadual 3 : Perbezaan Bagi Pencapaian Mata Pelajaran Perniagaan Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan**

Ujian-t	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
<b>Jantina</b>					
Lelaki	86	2.02	0.573	0.923	0.357
Perempuan	114	1.94	0.577	0.924	0.357
<b>Pencapaian</b>					
Lelaki	86	2.02	0.573	0.923	0.357
Perempuan	114	1.94	0.577	0.924	0.357

### Menilai Adakah Terdapat Hubungan Antara Pengetahuan dan Minat Dengan Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Perniagaan

Analisis korelasi Pearson dan keputusannya dipaparkan dalam Jadual 4. Output hasil ujian inter-korelasi telah menunjukkan bahawa , nilai  $r=.281$  menunjukkan korelasi positif yang sederhana antara pengetahuan dan minat terhadap subjek keusahawanan perniagaan.. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada  $p< .01$ . Ini bermakna kajian ini berjaya menolak hipotesis nul. terdapat perkaitan di antara pengetahuan dan minat dengan pencapaian dalam mata pelajaran perniagaan. Ini bermakna pengetahuan dan minat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan mempunyai perkaitan positif yang kuat dengan pencapaian dalam mata pelajaran perniagaan. Keputusan ini membawa implikasi bahawa seseorang yang mempunyai pengetahuan dan minat yang tinggi dalam mata pelajaran perniagaan berkemungkinan akan cenderung mendapat pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran perniagaan

**Jadual 4 : Analisis Korelasi Pearson Antara Pengetahuan Dan Minat Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Perniagaan**

		Korelasi	
		pengetahuan	minat
Pengetahuan	Korelasi Pearson	1	.281**
	Sig. (2-hujung)		.000
	N	200	200
Minat	Korelasi Pearson	.281**	1
	Sig. (2-hujung)	.000	
	N	200	200

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## Kesimpulan

Kajian ini cuba mengenalpasti hubungan antara pengetahuan dan minat dengan pencapaian lam mata pelajaran perniagaan. Kajian ini mendapati bahawa tidaklah terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan dan minat pelajar dengan pencapaian mata pelajaran perniagaan. Dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan adalah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Ertinya, setiap pelajar mempunyai pengetahuan terhadap bidang perniagaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kebanyakan daripada pelajar ada yang mempunyai pengetahuan perniagaan bermula dari keluarga mereka sendiri yang mengusahakan perniagaan. Tahap minat telah menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Ini bermaksud, ramai pelajar yang berminat untuk belajar dengan lebih mendalam mengenai ilmu perniagaan untuk diaplikasikan di luar nanti. Dapatan juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian mata pelajaran perniagaan antara jantina. Ini membuktikan bahawa, jantina tidak memberi kesan kepada minat dan pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran perniagaan.

## Rujukan

- Abd Aziz Yusuf (1998), "Asas Keusahawanan." Sprint Prentice Hall, Malaysia Ahmad Berek(197).
- Ahmad Mahzan Ayob (1991). "Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi, Suatu Pengenalan." Kuala Lumpur>
- Ashmore (1997), dalam Dr. Widad Othman "Nota Kuliah Perdagangan dan Keusahawanan(2002)."
- Aziz Muda (1995). :Punca Bumiputera Gagal Berniaga." Dalam Usahawan Malaysia: Januari ms 54-56
- Barjoyai Bardai dan Mohd Fairus Md Salleh (1998), "Peluang Perniagaan." Kuala Lumpur: Utusan  
business management. International Small Business Journal 15 (3), 56-57.
- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Gorman (1997). Some research perspectives on entrepreneurship education and education for small  
"Melahirkan Usahawan Bumiputera: Merdeka Pulihkan Semangat Usahawan." Pusat Daya  
Pengeluaran Negara Journal. 6(8). 28-29.
- Koa, (1995). Why Entrepreneurship Could Be Taught and Should Be Taught Including an  
Introduction to a Model For Entrepreneurship Education.
- K.Wang (2004). Enterpreneurial interest of university students in singapore. Technovation 24,  
163-172.
- Khalid Nordin; (2005); Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Ekonomi Islam Ketiga (KEI-3),  
12-15 Januari 2009/15-18 Muharam 1430H, Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur.
- Harris, M.L. & Gibson, S.G. (2008). Examining the entrepreneurial attitudes of US business  
students. Education and training 50(7): 568-81.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu  
penilaian. Tesis Dr. Fal. Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johansen, V. & Schanke, T. (2014). Entrepreneurship projects and pupil's academic  
performance: a study of Norwegian secondary schools. European educational research journal.  
13(2): 155-166.



- Kirby, D.A. (2004). Entrepreneurship education: can business schools meet the challenge? *Education & Training* 46 (8/9): 510 – 519.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607 – 610.
- Lourenco, F. & Jones, O. (2006). Developing entrepreneurship education: comparing traditional and alternative teaching approaches. *International Journal of Entrepreneurship Education* 4(1): 111 – 140.
- Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN). (2012). Model Ekonomi Baru untuk Malaysia: Hala tuju Dasar Strategik (Bahagian 1). Percetakan Nasional Berhad. Kuala Lumpur
- Yeam Koon Peng. (2007). Tahap pencapaian dan pelaksanaan kemahiran proses sains dalam kalangan guru pelatih. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Sains Malaysia.
- Walker, T.L. & Tracey, T.J.G. (2012). The role of future time perspective in career decision making. *Journal of vocational behaviour* 81(2): 150 – 158.
- Wilkins, J.M. (2008). The relationship among elementary teachers' content knowledge, attitudes, beliefs and practice. *Journal of Mathematics Teacher* 11(11):139-164.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2007). Strategi pengajaran dan pembelajaran keusahawanan. Dlm. Norasmah Hj. Othman & Halimah Harun (pnyt.). *Keusahawanan remaja Malaysia*, hlm. 181 – 194. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zulfaka, Nor Aishah Buang, Lilia Halim. (2014). Ciri-Ciri dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesiediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains di MRSM. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. April 2014. Bil 1. Isu 1.